

April 2009

Para penumpang dan krew pesawat US Air Flight 1549 keluar dari kapal terbang selepas membuat pendaratan cemas di atas sungai Hudson di dalam bandaraya New York →



Para penumpang dan krew penerbangan US Airways Flight 1549 yang berlepas daripada bandaraya New York menuju ke Charlotte, North Carolina menganggap ia adalah penerbangan biasa pada 15 Januari 2009. Walaubagaimanapun, selepas 2 minit berlepas, pesawat terlanggar sekawan burung mengakibatkan kedua-dua enjinnya terhenti. Pesawat tersebut berada pada paras ketinggian yang rendah (lebih kurang 1000 meter), enjin gagal berfungsi, dan berada di atas kawasan padat penduduk.

Bahaya, bukan hanya kepada para penumpang dan krew, tetapi juga kepada ribuan penduduk. Inilah masa yang tepat bagi krew penerbangan (Kapten Chesley B. Sullenberger, Pegawai Penerbangan Jeffrey B. Skiles, dan Pembantu Penerbangan Sheila Dail, Doreen Welsh, dan juga Donna Dent) untuk mempraktikan apa yang dipelajari menerusi latihan-latihan yang dijalani mereka. Paling penting ia **perlu dilakukan segera**. Juruterbang mengesahkan bahawa enjin tidak dapat dihidupkan semula dan mereka tidak mempunyai altitud ketinggian yang mencukupi untuk mendarat di mana-mana lapangan terbang. Pilihan yang ada hanyalah mendarat di atas Sungai Hudson. Krew kabin menyediakan para penumpang untuk mendarat di atas air, sementara juruterbang bersedia mengemudi pesawat tersebut. Dengan membiarkan roda pendaratan, mereka menggunakan butang saluran bagi menutup kesemua injap untuk mengurangkan jumlah air yang masuk jika membuat pendaratan kecemasan di dalam air. Juruterbang berjaya mendaratkan pesawat di atas Sungai Hudson. Kesemua 150 penumpang dan 5 orang krew keluar daripada pesawat dengan selamat dan diselamatkan oleh para penyelamat tempatan. Tempoh masa pesawat mulai melanggar burung hinggalah selamat mendarat di atas air mengambil masa hanya selama 6 minit!

Kesemua krew pesawat tersebut telah dianugerahkan "Master's Medal of the Guild of Air Pilots and Air Navigators" untuk tindakan mereka yang mengagumkan dan unik di dalam bidang pernberangan.

## Apa yang anda boleh pelajari & lakukan?

Proses operasi loji, seperti pesawat kapal terbang, adalah satu proses yang kompleks. Hampir sepanjang masa ia beroperasi dengan baik, tetapi kita tidak tahu ia mungkin gagal beroperasi seperti yang sepatutnya dan kita perlu menangani situasi kecemasan yang berlaku. Anda perlu sentiasa bersedia dengan memahami "operasi loji" anda, bagaimana ia berfungsi, bagaimana ia bertindakbalas dengan tindakan kita, dan apa yang perlu dilakukan jika berada di dalam situasi kecemasan. Dan, anda boleh memahami bahaya di dalam proses operasi loji, **jangkakan kebarangkalian apa yang boleh berlaku, dan bagaimana untuk bertindak menanganinya.**

- Ikuti latihan secara serius. Sebagai contoh, setiap penerbangan akan bermula dengan pengumuman taklimat keselamatan – adakah anda memberi perhatian padanya? **Kecemasan jarang berlaku, tapi ia boleh berlaku.** Anda mesti tahu bagaimana untuk bertindak. Anda tidak mempunyai banyak masa untuk membuat keputusan apa yang perlu dilakukan. Oleh itu persediaan dan latihan amat kritikal bagi menentukan tindakan yang betul dan tepat.
- Sebelum memulakan sebarang aktiviti, ambil beberapa saat untuk memikirkan apa kesilapan yang boleh berlaku. Sekiranya berlaku, apa potensi kesan dan akibatnya, bagaimana peralatan kita boleh bertindak dan apa yang kita akan lakukan. Jika anda tidak tahu, dapatkan nasihat penyelia anda, dan jangan mulakan sebarang aktiviti jika anda belum memahami apa yang perlu dilakukan jika mengalami situasi kecemasan.
- Turut serta dengan aktif di dalam latihan tindakan kecemasan supaya anda lebih bersedia di dalam menangani situasi kecemasan.

**PSID Members Free Search for "Emergency Response" and "Evacuation"**

## Latihan dan Perancangan Penting Bagi Menangani Kecemasan!

AIChE © 2009. All rights reserved. Reproduction for non-commercial, educational purposes is encouraged. However, reproduction for the purpose of resale by anyone other than CCPS is strictly prohibited. Contact us at [ccps\\_beacon@aiche.org](mailto:ccps_beacon@aiche.org) or 646-495-1371.